



• ROMBONGAN PBS setibanya di pelabuhan Bawean untuk memulakan pengajian.

asli lagi. **Berita Minggu**

Sebaliknya, silat-silat yang diamalkan di daerah-daerah berkenaan telah dicampur-adukkan dengan lain-lain jenis silat, walaupun pada dasarnya ia masih disebut Silat Bawean Asli.

Encik Basri berkata, pencak Bawean Asli sebenarnya sudah diamalkan oleh penduduk-penduduk Singapura dan Malaysia sejak 1800-an.

Semasa setengah-setengah orang Bawean berhijrah ke Singapura dan bahagian selatan semenanjung Malaysia, mereka telah membawa bersama adat istiadat Bawean, termasuk pencak silatnya.

Ia kemudian telah berkembang dari masa ke masa meskipun ada di antara mereka yang mengamakannya telah mencampuradukkan dengan silat-silat lain.

Untuk mengelakkan silat tersebut daripada terus tercemar, PBS telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kajian mengenainya.

"Kami berharap hasil kaji-

an itu akan dapat dibukukan. Dengan itu, ia boleh menjadi semacam panduan kepada anak-anak muda yang ingin mewarisi silat Bawean Asli ini."

28 SEP 1986

Beliau menjangkakan bahawa kajian itu akan berjalan sekurang-kurangnya setahun lagi untuk diselesaikan.

Encik Basri berharap akan pergi sekali lagi ke pulau Bawean dan juga beberapa daerah di Sulawesi setelah tahap pertama kajian itu selesai.

Ini ialah kerana setengah-setengah unsur daripada amalan yang berkait rapat dengan persilatan Bawean sebagaimana yang ditekankan oleh beberapa orang pakar di Indonesia mempunyai unsur-unsur Bugis.

"Kerana itulah kami perlu ke sana untuk meninjau dengan lebih mendalam mengenainya, setidaknya dari segi pakaian dan permainan gendang yang memang mempunyai unsur-unsur Bugis."

Berita Minggu

Bercakap mengenai usaha PBS

itu, ketua unit silat PBS berkata, lorah-lorah dan pendekar Bawean begitu tertarik hati dengan apa yang sedang diusahakan oleh persatuan tersebut.

Katanya: "Mereka di sana tidak terfikir sama sekali untuk membukukan susur-galur persilatan ini sedang kami dari Singapura, meskipun bukan bumi asli persilatan tersebut, begitu mengambil berat untuk membukukannya.

"Malah kami juga memberitahu mereka PBS telah memperkenankan persilatan Bawean ke peringkat antarabangsa melalui persembahan-persembahan budaya dan silat apabila diundang oleh pertubuhan-pertubuhan seperti Lembaga Penggalak Pelancong Singapura (STPB) atau pertandingan-pertandingan silat antarabangsa.

"Pemimpin-pemimpin Bawean itu begitu gembira dan tertarik hati mengenai usaha tersebut."

Rombongan PBS itu mengandungi empat orang pegawai dan empat orang anggota.